

CHLORPHENIRAMINE SYRUP

Chlorpheniramine maleate (4mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Chlorpheniramine*
2. Bagaimana *Chlorpheniramine* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Chlorpheniramine*
4. Cara menggunakan *Chlorpheniramine*
5. Semasa menggunakan *Chlorpheniramine*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Chlorpheniramine*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Chlorpheniramine*

Ia digunakan untuk rawatan gejala-gejala anda alahan jangka panjang atau bermusim.

Bagaimana *Chlorpheniramine* berfungsi

Chlorpheniramine melegakan gejala-gejala sesetengah alahan dan ruam kulit yang gatal. Ia boleh digunakan untuk melegakan gatal-gatal, kemerahan, bengkak, nyeri dan iritasi akibat keradangan dalam hidung, gejala ruam panas, alahan kepada makanan atau ubat, gigitan serangga atau ruam cacar air.

Sebelum menggunakan *Chlorpheniramine*

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan ambil *Chlorpheniramine* jika ada alahan kepada bahan aktif dan tidak aktif yang terkandung dalam *Chlorpheniramine*.
- Jangan ambil *Chlorpheniramine* jika anda menyusukan anak.
- Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan *Chlorpheniramine*

Beritahu doktor jika mempunyai

- tekanan tinggi dalam mata
- asma
- masalah buah pinggang
- tekanan darah tinggi
- kencing manis
- kelenjar tiroid terlalu aktif

Keselamatan penggunaan semasa hamil dan menyusukan anak belum dipastikan lagi. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat yang mungkin menambahkan kesan ubat. termasuk

- barbiturates, (untuk kesukaran tidur)
 - tricyclic antidepressants (untuk kemurungan)
 - narcotic analgesics (untuk melegakan kesakitan)
 - monoamine oxidase inhibitors (untuk kemurungan)
 - atau atropine (untuk kekejangan perut)
- Juga termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan *Chlorpheniramine*

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 1 camca teh tiga kali sehari. Kanak-kanak : 6 – 12 tahun: 1 camca teh tiga kali sehari. Kanak-kanak 2 – 5 tahun: ½ camca teh tiga kali sehari. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tanda-tanda klinikal termasuk pening teruk, tidak stabil, halusinasi (pendengaran, bau, rasa atau perasaan perkara yang tidak wujud), sawan dan kesukaran pernafasan.

Semasa menggunakan *Chlorpheniramine*

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan *Chlorpheniramine*.

Beritahu doktor dengan segera jika anda jadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan memberi *Chlorpheniramine* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan kerja yang memerlukan

kecerdasan mental kerana mungkin akan menyebabkan anda mengantuk. Elakkan minuman alkohol.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Chlorpheniramine* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Sila hubungi doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini. Mengantuk, kekeringan mulut, hidung dan tekak, gangguan gastrousus dan ruam mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan *Chlorpheniramine*

- Penyimpanan

Simpan tegak di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap warna merah berperisa strawberi.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: chlorpheniramine maleate
- Bahan tidak aktif: liquid glucose, methyl parabens, propyl parabens, perisa strawberi, raspberry red, sirap dan air.

- Nombor MAL

MAL19890238AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.

1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

16/03/2017

Nombor siri

BPFK(R4/1)150317/00033